

04/12/1997

OIC: Iran beri sambutan permaidani merah

KUALA LUMPUR, Rabu - Iran akan memberi sambutan permaidani merah kepada ketua-ketua kerajaan Islam yang berhimpun di Teheran minggu depan bagi menghadiri sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).

Bagi Iran, selaku pengeluar utama permaidani di dunia, ia menganjurkan perhimpunan terbesar pemimpin asing dalam masa dua dekad dan perhimpunan kali ini adalah sidang kemuncak terakhir OIC yang berlangsung abad ini.

Timbalan Ketua Perwakilan Kedutaan Iran di sini, Javad Shahidi berkata semua 55 negara anggota menerima undangan untuk menghadiri sidang kemuncak kelapan dari 9 hingga 11 Disember.

Shahidi berkata Iran menaruh harapan bahawa Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sidang kemuncak berkenaan kerana beliau "terbukti seorang tokoh antarabangsa.

"Dr Mahathir memainkan peranan aktif untuk kesejahteraan masyarakat antarabangsa termasuk mempertahankan hak negara Islam dan kami mengharapkan beliau berbuat demikian pada sidang kemuncak OIC," katanya di sini hari ini. - Bernama

(END)